



- 1 MASJID ABDULLAH FAHIM, BERTAM KEPALA BATAS**  
Masjid Abdullah Fahim adalah hasil cetusan idea YAB Perdana Menteri ke-5 iaitu Tun Abdullah bin Ahmad Badawi sebagai salah satu mercu pembangunan di kawasan Parlimen Kepala Batas. Masjid ini mula dibina pada tahun 2002 dan telah siap sepenuhnya pada 28 September 2009.  
*Abdullah Fahim Mosque was mooted by the Honorable 5th Prime Minister, Tun Abdullah Bin Hj Ahmad Badawi as one of the landmark development in Kepala Batas. Construction commenced in 2009 and was fully completed in 28 September 2012.*
- 2 MASJID JAMEK HAJI ABDUL RASHID - KUBANG SEMANG**  
Masjid Jamek Haji Abdul Rashid ini telah wujud sekitar tahun 1950-an. Masjid ini mempunyai ukiran kayu halus bermotif bunga yang menghiasi setiap tingkap. Kerja-kerja pengubahsuaian telah dijalankan untuk meningkatkan kapasiti dan menampung peningkatan bilangan makmum bagi menunaikan solat.  
*Masjid Jamek Haji Abdul Rashid is noted for its fine wood carvings of flower motifs which adorn its windows. Renovation work has been carried out to enlarge its prayer hall to cater for a larger crowd of Muslim who gather for prayer. The mosque already existed in 1950s.*
- 3 MASJID JAMEK PERMATANG HAJI HASSAN**  
Masjid Jamek Permatang Haji Hassan di Permatang Buloh ini mempunyai rekabentuk seni bina yang tersendiri dilengkapi dengan kubah hitam. Salah satu ciri yang menarik di masjid ini adalah kewujudan meriam di perkargangan masjid. Masjid yang dibina pada tahun 1960-an terletak di daerah Seberang Perai Utara.  
*Masjid Jamek Permatang Haji Hassan in Permatang Buloh Seberang Perai Utara has a beautiful and unique architectural design with its majestic black domes. An interesting historical feature of this mosque is the presence of a cannon in its premise. The mosque was built in the 1960s.*
- 4 MASJID KG BANGGOL**  
Menurut penduduk tempatan, Masjid Kampung Banggol telah dibina pada abad ke-19. Rekabentuk seni bina masjid ini berbeza daripada yang lain kerana ia tidak mempunyai kubah, berbanding kebiasaan rekabentuk sebarang masjid.  
*According to local people, Masjid Kampung Banggol was built in the 19th century. The architectural design of the mosque is unique as it does not have any dome; a feature as found in most other mosques.*
- 5 MASJID TUAN SAMAD PERMATANG SUNGAI DUA**  
Pada tahun 1920-an, seorang guru agama yang dipanggil Tuan Samad yang tinggal di Permatang Sungai Dua telah membina sebuah masjid di kawasan ini dan telah dinamakan sebagai Masjid Tuan Samad Sungai Dua. Struktur asal dibina menggunakan kayu manakala tiang dan lantai diperbuat daripada batu kapur. Kos penyelenggaraan masjid ini dibayai melalui sumbangan oleh penduduk tempatan.  
*During the 1930s, a religious teacher called Tuan Samad who lived in Permatang Sungai Dua built a mosque for the community. It was named Masjid Tuan Samad Sungai Dua. The original structure was built by using wood while the pillars and the floor were made of limestones. The local folks donated some money for the mosque's maintenance fee.*
- 6 SURAU KUBANG SEMANG**  
Sebuah lagi surau yang unik dan menarik di Seberang Perai adalah Surau Kubang Semang. Rekabentuk surau menyerupai rumah Melayu tradisional. Surau ini hanya digunakan pada bulan Ramadhan (bulan Islam berpuasa) untuk solat Tarawih.  
*Another picturesque surau in Seberang Perai is Surau Kubang Semang. The design of the surau resembles a traditional Malay house. The surau is used only during the month of Ramadhan (the Muslim month of fasting) for nightly Tarawih prayers.*
- 7 NINE EMPEROR GODS TEMPLE**  
Nine Emperor Gods Temple adalah salah satu tokong terbesar di Butterworth yang didedikasikan kepada sembilan dewa Maharaja Tao. Tokong yang asalnya hanya sebuah pondok atap di atas plot tanah yang disewa pada tahun 1971 telah menjadi beberapa kali pengubahsuaian dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2000, dengan kos RM7 juta.  
*The Nine Emperor Gods Temple is one of the largest temples in Butterworth. Dedicated to the Nine Emperor Gods of Taoist mores, it has gone through several makeovers over the years. It started out as a small thatched on a rented plot of land in 1971 and was completed in 2000, at the cost of RM7 million.*
- 8 NIBONG TEBAL FIREFLY WATCHING**  
Melihat kelip-kelip di Sungai Kerian adalah salah satu lokasi tarikan pelancongan yang wajib dilawati di Nibong Tebal. Pemandangan kelipilan yang seakan 'lampu' pada waktu malam di sepanjang Sungai Kerian membangkitkan rasa tenang dan merupakan pengalaman yang tidak dapat dilupakan.  
Contact: CH Tan (02-5554873 / 04-9936959)  
Email: amazingplanner@gmail.com  
Website: www.amazingplanner.com.my  
*Firefly watching at Sungai Kerian is one of the must visit tourist attraction in Nibong Tebal. The sight of nature's 'fairy lights' flickering in the night along the serene Sungai Kerian will be an unforgettable moments for those who love nature's gift.*

- 9 GEREJA ST. ANNE'S**  
Gereja St. Anne Bukit Mertajam telah wujud sejak 1833, apabila masyarakat Cina dan India Katolik dari Batu Kawan menetap di kaki bukit tersebut. Mereka merupakan penorek awal kawasan ini untuk tujuan pertanian. Gereja pertama Katolik di Bukit Mertajam adalah sebuah gereja kecil yang dibina di atas bukit di antara tahun 1840 dan 1860. Kini, tapak gereja kecil ini merupakan tempat yang ke-15 dan terakhir bagi pelawat untuk menziarahi gereja St. Anne.  
*St. Anne Church Bukit Mertajam has existed since 1833 when Chinese and Indian Catholics from Batu Kawan settled in the foothills of Bukit Mertajam. These people were farmers who had come to clear the land for cultivation. The very first Catholic church in Bukit Mertajam, a small chapel, was built on top of the hill between 1840 and 1860. Today, the site of that small chapel is the 15th and final station of the Cross which devotees make in their pilgrimage.*
- 10 RUMAH TOK AYAH**  
Rumah Tok Ayah, merupakan salah satu bangunan warisan rumah tradisional Melayu yang terkenal di Permatang Sungai Dua, Seberang Perai Utara. Rumah yang berusia 100 tahun ini kini berada di bawah penjagaan anak Tok Ayah. Senibina yang unik dan berbeza daripada rumah kampung yang lain dihiasi dengan ukiran kayu ber corakan tradisional di bahagian tingkap dan cucur atap.  
*Rumah Tok Ayah is a popular Malay traditional house in Permatang Sungai Dua, Seberang Perai Utara. It is a well known heritage building in the area. The house was built more than 100 years ago. The house is now under the care of Tok Ayah's son. The architecture of this ancient house is very different from other village houses. Its classical design features wood carvings for lattice windows and around the roof frame. The original architecture has been preserved in the frontage of the house whilst the other section of the house has been renovated.*
- 11 RUMAH TUAN GURU HAJI OTHMAN**  
Kubang Ulu di daerah Seberang Perai Tengah mempunyai rumah warisan yang bercirikan rekabentuk rumah di Mekah. Rumah tiga tingkat kepunyaan Tuan Guru Haji Othman iaitu seorang guru agama yang terkenal di sekitar tahun 1900-an telah dibina melebihi 100 tahun. Struktur yang seakan menara ini membolehkan penghuni menikmati pemandangan sekitar sehingga 100 meter dari jarak rumah berkenaan. Rumah ini kini diduduki oleh generasi ketiga, Tuan Guru Haji Othman.  
*Kubang Ulu is in the district of Seberang Perai Tengah boasts a heritage building which is reminiscent of houses in Mecca. This triple-storey house is more than 100 years old. The house is surrounded by village houses. Its towering structure gives the occupants a commanding view of its surroundings, up to 100 meters. The house belonged to Tuan Guru Haji Othman, the famous religious teacher around the 1900s. This house is occupied by the 3rd generation descendants.*
- 12 99 DOORS MANSION**  
Rumah Agam 99 Pintu merupakan rumah pengurus ladang yang telah wujud pada awal abad ke-20 di Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan. Menurut nombor yang tercatat di atas rumah ini, ia telah dibina pada tahun 1917. Rumah agam dua tingkat ini mempunyai sepuluh bilik dan mempunyai sejumlah sembilan puluh pintu. Rumah Agam 99 Pintu ini terletak di tengah-tengah Ladang Byram, Nibong Tebal. Ladang ini bermula sebagai ladang tebu pada abad ke-19. Ia kemudiannya beralih kepada penanaman getah dan sekarang kelapa sawit. Waris terakhir pemilik ladang ini telah ditembak mati di balkoni rumah agam ini.  
*99-Door Mansion is an early 20th century estate manor in Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan. According to an inscription above its door, it was built in 1917. The two-storey mansion has ten rooms and has ninety doors. The 99-Door Mansion is located in the midst of Byram Estate (or perhaps Victoria Estate), an estate which began as a sugar cane plantation in the 19th century. Its actual name is most likely Caledonian House. Around 1880, a drop in the commodity prices of sugar compelled the estate to switch from sugar cane to rubber. In the 1960's, low commodity price for rubber forced it to change to oil palm plantation. The last heir of this manor and estate was found shot to death on his balcony.*
- 13 PULAU AMAN**  
Pulau Aman adalah sebuah perkampungan nelayan yang terletak kira-kira 15 minit dengan menaiki bot dari Jeti Batu Musang, Seberang Perai Selatan. Di antara aktiviti-aktiviti yang boleh dilakukan di Pulau Aman ialah sukan air dan aktiviti meredah hutan. Pulau Aman juga terkenal dengan pelbagai pilihan restoran makanan laut.  
*Pulau Aman is a small fishing village accessible via a 15 minute boat ride from Batu Musang Jetty, Seberang Perai Selatan. Fishing and water sport are some of the popular activities on the island. Pulau Aman is also famous for its variety of seafood restaurants.*
- 14 PASAR BISIK KUALA MUDA**  
Kuala Muda merupakan tempat nelayan di sekitar bandar dan di sinilah juga terdapat Pasar Bisik yang mana urusniaga dilakukan secara berbisik di antara peraih dan nelayan. Sistem membeli secara bisik itu berjaya menarik perhatian ramai dan dengan tidak semena-mena, Pasar Bisik Kuala Muda kembali menjadi tumpuan dengan kehadiran pemborong ikan dari serata tempat termasuk dari Kedah dan Perak.  
*Kuala Muda is place for fishermen to land their boats. Located here is a Pasar Bisik (Whispering Market) where transaction is carried out by whispering between fishmonger and fisherman. The selling system by whispering attracts the attention of many and Pasar Bisik Kuala Muda has become the focal point with the presence of fishmonger from surrounding area including Kedah and Perak.*
- 15 BATU BERTULIS CHEROK TUKON**  
Cerok Tok Kun adalah nama sebuah bukit yang terletak berhampiran Gereja St. Anne's di Bukit Mertajam. Batu Bertulis Cherok Tukon ini ditemui oleh Kolonel James Low pada tahun 1845. Ia di bawah jagaan Muzium Pulau Pinang. Terdapat beberapa tulisan Sanskrit tertulis pada batu tersebut. Batu Bertulis ini telah diwartakan sebagai tapak warisan kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645). Bagi tujuan pemeliharaan, pihak muzium telah membina sebuah pondok untuk melindungi batu berkenaan.  
*Cerok Tok Kun is a name of a hill located near St. Anne's Church in Bukit Mertajam. This stone containing inscriptions was found by Colonel James Low in 1845. Now it is under the care of the Penang Museum and is being preserved in the grounds of St. Anne's Church. There are various Sanskrit writing on the stone. Batu Bertulis Cherok Tukon is one of the national treasures and has been gazetted as a national heritage site under the National Heritage Act 2005 (Act 645). To preserve the stone, the museum authorities have built a shelter to house and protect it from the elements.*

- 16 BATU SEMPADAN BRITISH SIAM PINANG TUNGGAL**  
Batu Sempadan British-Siam terletak di Pinang Tunggal. Sebarang Perai Utara telah dibina untuk menandakan sempadan antara dua jajahan iaitu koloni British dan Kerajaan Siam. Pada masa itu, Pulau Pinang adalah di bawah pentadbiran British dan Kedah berada di bawah pemerintahan Siam. Batu sempadan ini terletak di kawasan yang jauh dari kediaman.  
*The British-Siamese Boundary Stone at Pinang Tunggal, Seberang Perai Utara was built to mark the boundary between the two territories. It was once used to demarcate the territory of the British colony and the Siamese kingdom. At that time, Pulau Pinang was under the British administration while Kedah was under the ruling of the Siamese. The stone was located in the middle of a field far from residential areas. It is astounding that a stone dated back to the British-Siamese era still exists.*
- 17 MAKAM DIRAJA KEDAH**  
Makam Diraja Kedah merupakan tapak warisan sejarah Kesultanan Melayu Kedah yang masih wujud hingga ke hari ini. Makam ini mula ditorek oleh Almarhum Tunku Sulaiman Ibi Almarhum Sultan Abdullah Mukarram Shah semajjak sebelum tahun 1821. Pada 12 November 1821 ketika Armada Siam dari Ligur menyerang dan menawan negeri Kedah, Sultan Kedah ketika itu adalah Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845) telah melarikan diri dari istananya di Pulau Tiga ke kawasan ini dan diselamatkan oleh adindanya Tunku Sulaiman sebelum mendapatkan perlindungan Inggeris di Pulau Pinang. Kawasan ini kemudiannya dijadikan tanah wakaf dan diserahkan oleh pemerintah Inggeris di Pulau Pinang kepada keluarga Tunku Sulaiman untuk dijadikan Makam Diraja. Di antara keluarga Diraja Kedah yang telah dikendalikan dimakamkan di Makam Diraja Kampung Kota ini ialah Tunku Sulaiman Ibi Almarhum Sultan Abdullah Mukarram Shah dan Tunku Kutam.  
*Kedah Royal Mausoleum is a historical heritage of the Malay Sultanate of Kedah that still exists until today. This mausoleum was founded by Almarhum Tunku Sulaiman Ibi Almarhum Sultan Abdullah Mukarram Shah since before 1821. On 12 November 1821, Armada Siam from Ligur invaded and conquered Kedah, Sultan Kedah at that time Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II (1804-1845) fled from his house in Pulau Tiga to this area and rescued by his younger brother Tunku Sulaiman before seeking protection from British in Penang. The area has been designated as a waqf (endowment) land by the British government in Penang for the Tunku Sulaiman family as a Kedah Royal Mausoleum. Among the Kedah royal family buried in this Kedah Royal Mausoleum were Tunku Sulaiman Ibi Almarhum Sultan Abdullah Mukarram Shah and Tunku Kutam.*
- 18 JAMBATAN MERDEKA BUMBONG LIMA**  
Jambatan Merdeka terletak di sempadan Kedah / Pulau Pinang. Jambatan ini siap dibina dalam tahun 1957 menggantikan jambatan asal (1940) yang dimusnahkan oleh tentera Jepun pada tahun 1942 merentangi Sungai Muda dan merupakan penghubung di antara Kedah dengan Seberang Perai, Pulau Pinang. Dirasmikan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj (Perdana Menteri Malaysia Pertama) dan dinamakan Jambatan Merdeka. Baru-baru ini, jambatan yang lama telah dibina bersebelahan jambatan asal bertujuan untuk meningkatkan kapasitinya.  
*Jambatan Merdeka is located on the border of Kedah / Penang. The bridge was completed in 1957 to replace the original bridge that was destroyed by the Japanese Army in 1942. The bridge crosses the river (Sungai Muda) and connects the states of Kedah and Seberang Perai, Penang. It was officiated by Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj (the 1st Prime Minister of Malaysia) and was named 'Jambatan Merdeka'. Recently an identical bridge has been built adjacent to it to increase its capacity.*
- 19 EMPANGAN MENGKUANG**  
Empangan Mengkuang telah dibuka secara rasmi pada 1985. Saiz empangan ini adalah melebihi 10 kali ganda kapasiti penyimpanan daripada Empangan Air Itam. Empangan ini adalah salah satu destinasi popular untuk beriadah dan aktiviti bersukan.  
*The dam was officially opened in 1985. Mengkuang Dam is notably larger and with a storage capacity ten times greater than the Air Itam Dam. This massive dam is a popular destination for sports and recreational activities.*
- 20 BUKIT JAWI GOLF RESORT**  
Bukit Jawi Golf Resort menawarkan padang golf yang mempunyai kelanjan yang tersendiri dan dikelilingi oleh kehijauan hutan. Ia terletak di Sungai Bakap dan lokasinya amat strategik kerana hanya berdekatan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), ia mengambil kira-kira 30 minit dari bahagian pulau, Pulau Pinang. This world class golf course offers formidable fairways and greens surrounded by jungle. It is strategically situated in Sungai Bakap, just off North-South Expressway (PLUS) Jawi interchange and 30 minutes away from Penang island.
- 21 TAMAN NEGERI BUKIT PANCHOR**  
Ia adalah sebuah hutan simpan dan terletak di Nibong Tebal, Pulau Pinang. Ia meliputi kawasan seluas 445 hektar dan mencapai ketinggian 416 meter. Kawasan ini adalah sebuah tempat rekreasi dan sebagai pusat sumber alam untuk menghairkan hutan dengan lebih baik.  
*It is a tract of protected forest located in Nibong Tebal, Penang. It covers an area of 445 hectares and reaches a height of 416 metres. It consists of a manmade park providing general public a recreational area while at the same time, learn to appreciate the forest better.*
- 22 STADIUM NEGERI BATU KAWAN**  
Stadium Negeri Batu Kawan adalah stadium sukan terbesar di Pulau Pinang. Ia terletak di sebuah kawasan yang luas di Batu Kawan berdekatan Bukit Tambun. Stadium ini telah menjadi salah satu tempat untuk acara besar seperti pertandingan perlumbaan kereta, selain sebagai stadium utama perlawanan bola sepak.  
*State Stadium Batu Kawan is the biggest Sports Stadium in Penang. It is located in the large area of Batu Kawan near Bukit Tambun exit. It is one of the active spot for big events such as Car Prix Competition and Car Drift activities. It is also used as the main stadium for football matches.*
- 23 PENANG GOLF RESORT**  
Penang Golf Resort merupakan sebuah pusat perikanan yang mempunyai dewa kerian dan lapangan golf yang terletak di dalam pelan induk kawasan perbandaran baru. Ianya dibangunkan oleh Bertam Properties Sdn. Bhd. dan terletak di Seberang Perai Utara.  
*It is a 36 holes golf resort nestled within the new township developed by Bertam Properties Sdn Bhd in Seberang Perai Utara, Penang. It also includes a club house that is used for weddings, seminars, etc.*
- 24 MOUNTAIN VIEW GOLF RESORT**  
Mountain View Golf Resort merupakan salah satu lapangan golf yang terletak di 340, Mukim 3, Jalan Perindustrian Valdor, 14200, Seberang Perai Selatan, Penang.  
*This is another golf resort in Seberang Perai. It is located in Lot 340 Mukim 3, Jalan Perindustrian Valdor, 14200, Seberang Perai Selatan, Penang.*

- 25 TAMAN TUNKU**  
Taman Tunku dinamakan sempena Perdana Menteri Malaysia pertama iaitu Tunku Abdul Rahman dan ianya kekal sebagai salah satu tempat rekreasi terbaik di Butterworth. Taman Rekreasi kini subur dengan landskap hijau dilengkapi kemudahan trek jogging untuk penduduk tempatan beriadah.  
*Taman Tunku is named after our country's first prime minister, Tunku Abdul Rahman and remains as one of the best recreational venue in Butterworth. The park is now lush with greenery along with a jogging track for locals who are up for recreational activities.*
- 26 PENANG BIRD PARK**  
Penang Bird Park merupakan taman burung terbesar di Pulau Pinang dengan kos pembinaannya sebanyak RM1.2 juta. Lebih daripada 300 spesies burung dari seluruh dunia ditempatkan di sini seperti angsa, flamingo, burung unta, ranggung, itik, dan lain-lain jenis burung. Taman ini dipenuhi dengan kolam semula jadi, air terjun, dan kepelbagaian flora dan fauna.  
*Penang Bird Park is the largest bird park in Penang built at a cost of RM1.2 million. This bird park is a home to more than 300 species of bird from around the world such as swans, flamingos, pelicans, storks, mandarin ducks, and various kinds of birds. The park is filled with natural ponds, waterfalls, and rich for its diversity of flora and fauna. Opening hours: 9.00am - 7.00pm*
- 27 SAFIRA COUNTRY CLUB**  
Safira Country Club memberikan pemandangan kehijauan di tengah-tengah bandar. Ia mempunyai sebuah kelab golf yang menonjolkan gaya hidup yang elegan. Ia mempunyai padang golf yang luas dan kemudahan gelanggang futsal.  
*Safira Country Club brings the lush exquisite greenery to the heart of the city. It provides unparalleled elegant club lifestyle. It consists of a golf driving range and futsal facility among others.*
- 28 ROPE WALK, TAMAN SELAT**  
Berkonsepan pasar lambak sekiranya mencari barangan antik seperti syiling, jam, dan seterika lama. Selain itu, terdapat pelbagai jualan sampingan seperti pakaian dan warung makan tempatan.  
*It practices the concept of a flea market. This is the place where one can find antique goods such as old coins, watches and iron. Besides that, this Rope Walk offers various ancillary trade goods such as attire and also local food stalls.*
- 29 JURU AUTO CITY**  
Juru Auto City adalah tempat yang menampilkan gaya hidup moden Pulau Pinang. Ia sebagai hub destinasi hiburan, pameran kereta, lokasi makanan mewah, dan membeli-belah. Ia mempunyai lebih daripada 30 restoran yang menyajikan hidangan tempatan dan antarabangsa.  
*Juru Auto City is one of Penang's most prominent lifestyle venues. It is a popular one stop destination for entertainment, car showrooms, fine dining, and shopping. It has over 30 restaurants catering both international and local cuisines.*
- 30 CAPAL JAGO, KEPALA BATAS**  
Capal Jago merupakan jenama capal yang tidak asing lagi di Semenanjung Malaysia. Ia adalah singkatan daripada perkataan "jangan goyah" telah diusahakan semajjak 1958. Keistimewaan Capal Jago ialah ia diperbuat daripada kulit lembu dan dijahit dengan tangan, iaitu 100% hasil buatan tangan yang menjadikannya selalu untuk dipakai. Capal Jago dijual dalam tiga warna iaitu merah manggis (maroon), coklat dan putih.  
*Capal Jago is a specialist in leather sandals, made under name of JAGO. It was established since 1958 in Kepala Batas and with 50 years of experiences, it brought the first class genuine hand-made leather sandals. This Capal Jago is available in three colours; maroon, brown and white.*
- 31 TUKANG BESI, PERMATANG BENUAN**  
Perusahaan membuat pelbagai peralatan daripada besi telah dimulakan sejak 1841 oleh penduduk-penduduk Pekan Darat, Seberang Perai Utara. Mereka merupakan satu-satunya golongan usahawan Melayu tradisional yang bukan sahaja mahir di Pulau Pinang malah di utara Semenanjung Malaysia sebagai Golongan Usahawan Melayu "Pandai Besi" sejak sebelum Perangnja menentang Inggeris selepas Kapten Light's menduduki Pulau Pinang pada 1786. Ketika itu, Seberang Perai masih merupakan wilayah di bawah Kesultanan Kedah. Tukang-tukang besi di Pekan Darat telah ditugaskan membuat berbagai jenis senjata dan peluru-peluru meriam termasuklah kepada pejuang-pejuang Kedah yang berada di Seberang Perai semasa Peperangan Siam-Kedah 1821-1842.  
*Manufacturing various types of equipment made of steel started since 1841 by residents of Pekan Darat, Seberang Perai Utara. They are the only entrepreneurs of traditional Malay weapon famous in Pulau Pinang even in northern Peninsular Malaysia. They are renowned Malay entrepreneurs known as 'Pandai Besi' since before independence. Sultan of Kedah brought in the steel craftsmen specifically to prepare weapon for his armed forces to strike against British after Captain Francis Light's resided in Pulau Pinang in 1786. During those days, Seberang Perai was a province under Kedah's royalty. These steel craftsmen of Pekan Darat were assigned to make various types of weapons to prepare for the armed forces, produced cannonballs and preparing steel weaponry for Kedah fighters in Seberang Perai during Siam - Kedah War 1821 - 1842.*
- 32 DATARAN PEMUDA MERDEKA BUTTERWORTH (PADANG BANDARAN MPSP)**  
Dataran Pemuda Merdeka Seberang Perai yang dahulunya dikenali sebagai Kelab Rekreasi British telah merakamkan pelbagai peristiwa bersejarah yang menjadi ingatan penduduk termasuklah mantan Perdana Menteri ke-5 dan keluarga. Di sinilah bermulanya perjuangan untuk mencapai kemerdekaan di Seberang Perai.  
*Dataran Pemuda Merdeka, Seberang Perai or originally known as British Recreation Club (BRC) is close to the locals' hearts including former Prime Minister Tun Abdullah Ahmad Badawi and families. The place recorded various historical and nostalgic events for the locals especially as it was the starting place for the struggles for independent in Seberang Perai.*
- 33 KERETAPI TANAH MELAYU**  
Butterworth merupakan bandar utama bagi Seberang Perai di Negeri Pulau Pinang. Butterworth telah ditubuhkan pada pertengahan abad ke-19 sebagai tempatan perhubungan tanah besar dari ibu kota Pulau Pinang, Georgetown. Butterworth ialah tapak Steen Keretapi Tanah Melayu bagi Pulau Pinang.  
*Butterworth is the main town of Seberang Perai in Penang. It was established in the mid of 19th century as a stopping point to the mainland from the island. Located in Butterworth is the Malayan Railway Station which serves for people of Penang.*

# Seberang Perai Tourist Map

MALIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

MSPSMS No: 012-4100300  
Fax: 04-538 9700  
Tel: 04-5497555  
Pulau Pinang  
14000 Bukit Mertajam,  
Bandar Perai,  
Jalan Perda Utama,  
Majlis Perbandaran Seberang Perai